



جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا  
KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
Department Of Syariah Judiciary Malaysia  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN/  
PERBICARAAN/  
PASCA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my  
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(71)  
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H  
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

**ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2021**  
**AMALAN PENGESAHAN TALAQ DI LUAR DAN TANPA**  
**KEBENARAN MAHKAMAH SERTA PENJELASAN TERHADAP**  
**KEENGGANAN BERSUMPAH (NUKUL)**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Amalan Pengesahan Talaq di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah serta Penjelasan Terhadap Keengganan Bersumpah (*Nukul*) seperti di lampiran.

2. Arahan Amalan No. 6 Tahun 2019: Amalan Pengesahan Talaq di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah serta Penjelasan Keengganan Bersumpah (*Nukul*) dibatalkan.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**  
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
**PUTRAJAYA**

**AMALAN PENGESAHAN TALAQ  
DI LUAR DAN TANPA KEBENARAN MAHKAMAH  
SERTA PENJELASAN TERHADAP  
KEENGGANAN BERSUMPAAH (*NUKUL*)**

Ketua Hakim Syarie menetapkan Amalan Pengesahan Talaq di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah seperti yang berikut:

1. Dalam arahan amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“*al-yamin al-mardudah*” ertinya sebagaimana tafsiran yang dibuat pada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006;

“*nukul*” ertinya enggan bersumpah setelah diarahkan oleh Hakim;

“*nukul hakiki*” ertinya keengganan *mudda’a alaih* untuk bersumpah apabila diarah oleh Hakim dan keengganan tersebut dibuat secara lisan seperti dijawab “Saya tidak mahu bersumpah”;

“*nukul hukmi*” ertinya keengganan *mudda’a alaih* untuk bersumpah apabila diarah oleh Hakim dan keengganan tersebut dibuat bukan secara lisan seperti berdiam diri ketika diarah bersumpah atau enggan hadir ke Mahkamah;

“saksi” tidak termasuk pihak-pihak;

“sumpah” ertinya sebagaimana tafsiran yang dibuat pada Arahan Amalan No.2 Tahun 2006;

“*yamin al-istizhar*” ertinya sebagaimana tafsiran yang dibuat pada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006; dan

“*yamin al-nafi*” ertinya sebagaimana tafsiran yang dibuat pada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006.

2. Tertakluk kepada Hukum Syarak, Mahkamah dalam mendengar dan memutuskan pengesahan talaq di luar dan tanpa kebenaran Mahkamah hendaklah berpuas hati bahawa talaq itu telah memenuhi rukun-rukun talaq.

3. Mahkamah sebelum mengesahkan lafaz talaq, hendaklah terlebih dahulu menjalankan penyiasatan dan menentukannya melalui keterangan suami dan isteri yang telah memenuhi syarat-syarat talaq menurut Hukum Syarak seperti yang berikut:

(1) Suami –

- (a) seorang suami yang sah kepada isteri yang diceraikan;
- (b) seorang yang baligh menurut Hukum Syarak;
- (c) seorang yang berakal; dan
- (d) melafazkan talaq dengan kerelaannya tanpa paksaan.

(2) Isteri –

- (a) seorang isteri yang sah bagi suami tersebut atau masih dalam 'iddah *raj'i*; atau
- (b) jika lebih daripada seorang isteri, hendaklah ditentukan isteri mana yang diceraikan itu.

4. Mahkamah dalam menentukan kesahan lafaz talaq itu, hendaklah memastikan kedua-dua pihak kepada perkahwinan hadir di hadapan Mahkamah dan Mahkamah hendaklah –

(1) Memastikan penyampaian saman kepada suami atau isteri tertakluk kepada Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah;

(2) Sesalanan Borang 1 Notis Amaran *Nukul* bolehlah disampaikan kepada suami yang dinamakan sebagai defendan setelah dibuktikan penyampaian saman telah disempurnakan kepadanya namun, ia gagal hadir ke Mahkamah pada hari yang ditetapkan untuk pendengaran dakwaan berkaitan dengan lafaz talaq berkenaan; dan

(3) bagi hal keadaan subperenggan 6(1)(b), jika defendan gagal hadir ke Mahkamah tanpa apa-apa sebab yang munasabah setelah Borang 1 Notis Amaran *Nukul* dibuktikan penyampaian telah sempurna kepadanya, Mahkamah bolehlah mensabitkan defendan seorang yang *nukul hukmi*.

5. Kehadiran suami di hadapan Mahkamah –

(1) Mahkamah hendaklah memeriksa dan menyiasat sama ada suami mengaku atau menafikan dakwaan isterinya;

(2) Jika suami mengaku terhadap dakwaan isterinya dan Mahkamah berpuashati dengan pengakuan tersebut, maka Mahkamah hendaklah mensabitkan talaq itu; atau

(3) Jika suami menafikan dakwaan itu, Mahkamah hendaklah –

(a) memerintahkan isteri mengemukakan dua (2) orang saksi lelaki bagi memberikan keterangan mengenai lafaz talaq itu;

(b) jika isteri tidak mengemukakan keterangan seperti di subperenggan (a) di atas, Mahkamah hendaklah memberitahu isteri haknya untuk meminta daripada Mahkamah bagi memerintahkan suaminya bersumpah *yamin al-nafi*; atau

(c) sekiranya isteri enggan meminta Mahkamah bagi memerintahkan suaminya bersumpah *yamin al-nafi*, Mahkamah boleh menolak dakwaan pihak isteri; dan

(4) Tertakluk kepada subperenggan 5(3)(b), isteri meminta Mahkamah bagi memerintahkan suaminya bersumpah *yamin al-nafi* –

(a) jika suami melakukan *yamin al-nafi*, Mahkamah hendaklah menolak dakwaan isteri; atau

(b) jika suami enggan secara lisan untuk melakukan *yamin al-nafi*, Mahkamah hendaklah –

(i) menghukumkan suami sebagai *nukul hakiki*; dan

(ii) menawarkan kepada isteri untuk bersumpah *al-yamin al-Mardudah*;

(c) jika suami enggan melakukan *yamin al-nafi* dengan berdiam diri, Mahkamah hendaklah –

(i) menghukumkan suami sebagai *nukul hukmi*; dan

(ii) menawarkan kepada isteri untuk bersumpah *al-yamin al-Mardudah*; dan

(5) Tertakluk kepada subperenggan 5(4)(b)(ii) dan (c)(ii) –

(a) jika isteri bersumpah *al-yamin al-mardudah*, Mahkamah hendaklah mensabitkan dakwaannya; atau

(b) jika isteri enggan bersumpah *al-yamin al-mardudah*, Mahkamah hendaklah menolak dakwaannya.

6. Ketidakhadiran atau keingkaran suami hadir di hadapan Mahkamah –

(1) Jika suami ingkar hadir setelah menerima saman dan Borang 1 Notis Amaran *Nukul* sepertimana perenggan 4, Mahkamah hendaklah –

(a) dalam hal keadaan isteri mempunyai dua (2) orang saksi lelaki atau lebih, Mahkamah boleh mensabitkan dakwaan isteri selepas mendengar dan berpuas hati dengan keterangan saksi-saksi dan sumpah *yamin al-istizhar* isteri;

(b) dalam hal keadaan isteri tidak mempunyai dua (2) orang saksi lelaki atau lebih, Mahkamah hendaklah memberitahu isteri haknya untuk meminta Mahkamah memerintahkan suaminya bersumpah *yamin al-nafi*. Jika isteri menggunakan haknya tersebut, maka Mahkamah hendaklah mensabitkan suaminya sebagai *nukul hukmi* atas ketidakhadiran suami. Setelah itu, Mahkamah hendaklah mengarahkan kepada isteri bersumpah *al-yamin al-mardudah*; atau

(c) sekiranya isteri enggan menggunakan haknya di perenggan 6(1)(b), Mahkamah boleh menolak dakwaan pihak isteri.

- (2) Tertakluk kepada subperenggan 6(1)(b) –
- (a) jika isteri bersumpah *al-yamin al-mardudah*, Mahkamah hendaklah mensabitkan dakwaannya; atau
  - (b) jika isteri enggan bersumpah *al-yamin al-mardudah*, Mahkamah hendaklah menolak dakwaannya.

7. Keadaan tempat beradanya suami telah tidak diketahui.

(1) Tertakluk kepada subperenggan 4(1) setelah Mahkamah berpuas hati bahawa tempat beradanya suami tidak diketahui, Mahkamah hendaklah –

- (a) dalam hal keadaan isteri mempunyai dua (2) orang saksi lelaki atau lebih, Mahkamah boleh mensabitkan dakwaan isteri selepas mendengar dan berpuas hati dengan keterangan saksi-saksi dan sumpah *yamin al-istizhar* isteri; atau
- (b) dalam hal keadaan isteri tidak mempunyai dua (2) orang saksi lelaki, dakwaan isteri adalah ditolak.

8. Mahkamah hendaklah memastikan setiap sumpah atau keengganan bersumpah pihak-pihak dalam Arahan Amalan ini adalah secara sukarela dan suci hati.

9. Amalan berkaitan dengan keengganan suami bersumpah (*nukul*) dalam Arahan Amalan ini tidak terpakai bagi pengesahan lafaz talak secara kinayah.

10. Mahkamah hendaklah mengendalikan amalan sumpah berpandukan kepada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006: Amalan Sumpah Mahkamah Syariah.

Ketua Hakim Syarie Negeri \_\_\_\_\_

Borang 1  
Arahan Amalan No. 6 Tahun 2021  
(Subperenggan 4(2))

DALAM MAHKAMAH.....  
DALAM NEGERI.....  
DALAM KES PENGESAHAN TALAQ DI LUAR DAN  
TANPA KEBENARAN MAHKAMAH

NO. KES (Mal) :.....

Plaintif (Nama)

No. K/P.....

lawan

Defendan (nama)

No. K/P.....

**NOTIS AMARAN KEENGGANAN BERSUMPAH (NUKUL)**

Kepada: .....

AMBIL PERHATIAN bahawa satu tuntutan/ permohonan di bawah .....  
Akta/ Enakmen/ Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam berkenaan pengesahan  
talaq di luar dan tanpa kebenaran Mahkamah telah difailkan terhadap kamu di  
Mahkamah ..... oleh plaintif/  
pemohon (nama) ..... No. Kad  
Pengenalan/ Pasport .....,

AMBIL PERHATIAN bahawa kamu ..... defenden/ responden  
(nama) diperintahkan hadir pada tarikh ..... jam .....  
pagi/petang di Mahkamah .....  
untuk menjawab dakwaan plaintif/ pemohon DAN/ ATAU bersumpah *yamin al-  
nafi* sebagaimana yang diperintahkan Mahkamah ini atas permintaan plaintif/  
pemohon.

DAN AMBIL PERHATIAN SELANJUTNYA, bahawa jika kamu gagal hadir tanpa sebab yang munasabah di sisi Hukum Syarak, maka Mahkamah boleh mensabitkan kamu sebagai pihak yang enggan bersumpah (*nukul*).

MAHKAMAH SETELAH ITU, boleh membenarkan plaintif/ pemohon melafazkan *al-yamin al-mardudah* bagi mensabitkan dakwaannya terhadap kamu dan membuat apa-apa perintah/ penghakiman tanpa kehadiran kamu.

Bertarikh pada ..... hari bulan .....20.....

(Meterai)

Hakim